TIADA KATEGORI

70 Tahun Legasi Wah Chan: Mengungkap Simbolik Koleksi “Love Infinity”

19 November 2025 11:42pm

Sofea



70 Tahun Legasi Wah Chan: Mengungkap Simbolik Koleksi “Love Infinity”

Petaling Jaya – “Berlian terbaik adalah yang datang daripada orang yang anda sayang.” Itu yang diungkapkan oleh Pengarah Wah Chan Jewellery, Amanda Koo ketika bercakap mengenai koleksi edisi khas Love Infinity yang direka olehnya sempena ulang tahun ke-70 Wah Chan.

Ditemui ketika acara Diamond Masterclass di ibu pejabat syarikat itu pada Selasa, Amanda menerangkan dengan terperinci mengenai koleksi terbaru itu.

Beliau menekankan nilai kasih sayang kepada pasangan, keluarga, rakan-rakan dan diri sendiri, yang menjadi inspirasi kepada penciptaan koleksi terbabit.

Dari gelang, rantai leher hingga ke anting-anting, setiap perincian pada aksesori itu mempunyai makna yang tersendiri.

Merah membawa makna semangat, hijau (kesihatan), putih (kedamaian), emas (kekayaan) dan berlian (cinta abadi).



“Koleksi ini diberi nama Love Infinity kerana kami percaya bahawa kasih sayang adalah satu anugerah yang melangkaui seumur hidup.


“Kami juga sedar bahawa sebagai salah satu jenama besar di Malaysia, kami perlu memastikan bahawa anda mendapat nilai yang setimpal dengan apa yang anda bayar.

“Itulah sebabnya kami menghasilkan Love Infinity. Ia dicipta dengan makna dan falsafah di sebalik setiap rekaannya.

“Akhirnya, Malaysia kini mempunyai jenama hadiah mewah kita sendiri,” katanya.

Produk utama koleksi ini adalah gelang emas 24 karat yang direka khas olehnya. Terhad kepada 70 unit, ia merupakan gelang boleh suai pertama Wah Chan.





Dalam acara yang turut dihadiri penyanyi dan pelakon, Ayda Jebat, Amanda juga telah menerangkan mengenai ciri-ciri berlian yang terdiri daripada 4C iaitu Cut, Colour, Clarity dan Carat.

Beliau juga memberi peluang kepada tetamu yang hadir untuk menyaksikan bagaimana sebiji berlian itu diperiksa bagi memastikan sama ada ia asli atau palsu.

Secara ringkasnya, acara itu menonjolkan makna di sebalik penciptaan koleksi tersebut, selari dengan legasi Wah Chan yang juga pada awalnya diasaskan berdasarkan nilai kasih sayang.

Untuk maklumat lanjut, layari laman web Wah Chan.